

Terma dan Syarat – Anugerah MyPesara 2025

Pengenalan

Terma dan syarat berikut mengawal dan mentadbir penyertaan di bawah Anugerah MyPesara ini. Pihak penganjur berhak untuk mengubah, menangguh atau menukar tarikh Anugerah MyPesara atau melanjutkan tempoh penyertaan atau pencalonan.

Sila baca terma dan syarat ini dengan teliti sebelum menghantar borang pencalonan.

No.	Perkara
1.	Maklumat Anugerah MyPesara 1.1 Anugerah MyPesara adalah merupakan anugerah pertama seumpamanya yang diwujudkan bagi mengiktiraf dan menghargai pesara sektor awam yang telah memberikan impak positif dalam kehidupan mereka sendiri serta kehidupan orang lain dalam bidang Pendidikan, Sosial dan Khidmat Masyarakat, dan Keusahawanan. 1.2 Tujuan utama Anugerah MyPesara adalah untuk mengenal pasti individu cemerlang yang telah memainkan peranan bermakna dalam tempoh persaraan mereka, serta memberi inspirasi dan ilham kepada warga pesara lain dalam mencabar stereotaip persaraan dan menjadi pendukung kepada penuaan yang produktif.
2.	Kategori Anugerah MyPesara 2.1 Terdapat 3 kategori yang akan dinilai di bawah Anugerah MyPesara 2025 ("Anugerah"), iaitu: i) Pendidikan; ii) Sosial dan Khidmat Masyarakat; dan iii) Keusahawanan. 2.2 Sumbangan dan impak positif yang diberikan oleh calon kepada masyarakat mestilah selaras dengan kategori dan kriteria pemilihan yang telah ditetapkan. 2.3 Pihak Penganjur berhak memilih dan menganugerahkan calon dalam kategori berbeza daripada kategori yang telah dikemukakan, jika ia dianggap lebih sesuai mengikut budi bicara penganjur.
3.	Kriteria Pencalonan 3.1 Pencalonan adalah terbuka kepada: • Warganegara Malaysia berumur 55 tahun dan ke atas. • Bekas penjawat awam yang telah bersara daripada perkhidmatan kerajaan persekutuan, negeri, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan, tidak termasuk pesara Angkatan Tentera Malaysia (Veteran ATM) yang mana

	peruntukan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) tidak terpakai kepada mereka. Pesara mestilah masih menerima pensen bulanan daripada Kerajaan. • Seorang individu yang aktif menyumbang kepada masyarakat dan telah memberikan impak yang signifikan serta menunjukkan amalan yang berjaya dalam bidang masing-masing selepas bersara, sekurang-kurangnya untuk tempoh selama 5 tahun. • Calon yang TIDAK PERNAH dicalonkan menerima atau memenangi sebarang anugerah, pengiktirafan, hadiah atau penghormatan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa dalam tempoh lima tahun terkini (2020-2024). • Calon yang TIDAK PERNAH menerima atau memenangi anugerah utama atau pemenang kategori bagi Anugerah MyPesara atau Anugerah Ikon Pesara anjuran KWAP pada mana-mana tahun bagi semua kategori. • Penyertaan melalui pencalonan sendiri atau pencalonan oleh pihak ketiga adalah diterima. • Semua pencalonan mestilah disertakan dengan dokumen sokongan yang relevan sebagai bukti.
4. Penyertaan Pencalonan	4.1 Penyertaan adalah percuma dan terbuka secara eksklusif kepada pesara Kerajaan Malaysia seperti yang dinyatakan di Kriteria Pencalonan sahaja. 4.2 Pencalon dan calon bertanggungjawab untuk memberikan maklumat yang benar, tepat, terkini dan lengkap seperti yang diminta dalam borang pencalonan. 4.3 Sertakan dokumen sokongan seperti artikel yang diterbitkan, siaran akhbar, salinan sijil penglibatan, keahlian atau pencapaian untuk tujuan pengesahan dan semakan. 4.4 Bagi kategori Keusahawanan, syarikat calon hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan dokumen berkaitan seperti sijil pendaftaran SSM dan dokumen kewangan perlu dikemukakan. 4.5 Bagi kategori Sosial dan Khidmat Masyarakat, organisasi calon hendaklah berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) dan dokumen sokongan yang berkaitan perlu dikemukakan. 4.6 Pencalon boleh mencalonkan seberapa ramai pesara yang layak bersama bukti-bukti pencapaian yang mencukupi. Namun, setiap pesara hanya layak untuk dicalonkan untuk satu kategori sahaja. 4.7 Dengan penghantaran borang pencalonan, pencalon dan calon akan dianggap sebagai telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju dengan terma dan syarat Anugerah. 4.8 Penganjur berhak untuk menolak atau tidak menerima pencalonan untuk sebarang sebab, termasuk borang pencalonan yang tidak lengkap atau mana-mana terma dan syarat yang tidak dipenuhi atau dipatuhi oleh pencalon dan calon.

5. Penghantaran Borang Pencalonan	5.1 Borang pencalonan serta dokumen sokongan yang lengkap hendaklah dihantar melalui: i) Anugerah MyPesara 2025 <i>Google Form</i>; atau ii) e-mel ke anugerahmypesara@kwap.gov.my; atau iii) pos ke Pejabat KWAP di Kuala Lumpur atau Cyberjaya; atau iv) serahan tangan ke Pejabat KWAP di Kuala Lumpur atau Cyberjaya, atau semasa program Jelajah MyPesara KWAP berlangsung. Pejabat Kuala Lumpur Jawatankuasa Anugerah MyPesara 2025, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), Aras 36, Menara Integra, The Intermark 348, Jalan Tun Razak 50400 Kuala Lumpur Atau; Pejabat Cyberjaya Jawatankuasa Anugerah MyPesara 2025, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), Aras 11, Skytech Tower 2 MKN Embassy Techzone Jalan Teknokrat 2, Cyber 4 63000 Cyberjaya, Selangor 5.2 Jika borang pencalonan dihantar melalui e-mel, pastikan ruangan "Subjek" diisi dengan anda meletakkan tajuk 'Anugerah MyPesara 2025'. 5.3 Jika borang pencalonan dihantar secara pos, pastikan tajuk 'Anugerah MyPesara 2025' dinyatakan di bahagian atas kiri sampul surat. 5.4 Borang yang lengkap hendaklah dihantar kepada KWAP selewat-lewatnya pada atau sebelum 15 Ogos 2025. 5.5 Sebarang perkara berkaitan pencalonan Anugerah ini, pegawai KWAP akan menghubungi anda melalui talian 03-2174 7975 / 03-2174 8622 atau e-mel rasmi anugerahmypesara@kwap.gov.my 5.6 Dengan menyerahkan borang pencalonan ini, saya/kami mengakui bahawa saya/kami telah membaca, memahami dan bersetuju dengan Notis Privasi Data Peribadi KWAP yang boleh didapati di https://www.kwap.gov.my/pdp-notice/ berkenaan dengan pemprosesan data peribadi oleh KWAP. Saya/kami mengesahkan bahawa semua data peribadi yang diberikan kepada KWAP telah disediakan selaras dengan undang-undang yang berkenaan dan, jika berkaitan,
---	---

	persetujuan daripada individu yang data peribadinya diberikan kepada KWAP telah diperoleh dengan sewajarnya.
6. Pemenang	6.1 Calon-calun yang disenarai pendek akan dihubungi untuk hadir ke majlis rasmi Anugerah MyPesara 2025. 6.2 Terdapat satu pemenang hadiah utama yang akan menerima wang tunai sebanyak RM50,000, beserta piala dan sijil penghargaan; tiga pemenang bagi setiap kategori yang akan menerima wang tunai RM10,000, piala dan sijil penghargaan setiap seorang; dan lima penerima saguhati yang akan menerima wang tunai RM3,000 dan sijil penghargaan bagi setiap kategori. 6.3 Jika pemenang tidak dapat menghadiri majlis Anugerah MyPesara 2025, pemenang boleh diwakili oleh ahli keluarga atau waris mereka untuk menerima hadiah tersebut. 6.4 Keputusan juri adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan. Calon yang didapati melanggar terma dan syarat akan terbatal pencalonannya. 6.5 Bagi tujuan pembayaran hadiah wang tunai dan tuntutan perjalanan, pemenang mesti mengemukakan butiran akaun bank peribadi mereka. Jika melibatkan perjalanan, resit tol dan butiran jarak perjalanan yang tepat hendaklah dikemukakan secepat mungkin selepas perjalanan berlaku. Setelah KWAP menerima dokumen lengkap, pembayaran akan dibuat dalam tempoh 30 hari bekerja.
7. Pembatalan	7.1 Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan calon dan / atau mengambil balik hadiah jika: • Calon tidak memenuhi mana-mana kriteria pencalonan; • Calon melanggar terma dan syarat Anugerah ini atau mana-mana undang-undang atau peraturan yang berkaitan; • Penganjur mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki atau menemui bukti penipuan atau rasuah dalam penyertaan. 7.2 Jika berlaku pembatalan selepas hadiah telah diberikan, penganjur berhak untuk menuntut pengembalian hadiah tersebut atau bayaran sama nilai dengan hadiah itu daripada calon yang telah hilang kelayakan atau dibatalkan penyertaan.
8. Lain-lain	8.1 Dengan menyertai Anugerah ini, calon bersetuju secara tanpa syarat dan tidak boleh ditarik balik untuk terlibat dalam penerbitan, rakaman dan publisiti Anugerah ini pada bila-bila masa, tanpa bayaran, jika diperlukan oleh penganjur, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

	• Temu bual • Pengambilan gambar • Rakaman visual dan / atau audio • Artikel • Media sosial 8.2 Calon bersetuju secara tanpa syarat dan tidak boleh ditarik balik serta memberi kebenaran kepada penganjur untuk menyiarkan rakaman, nama penuh, dan / atau slogan calon. 8.3 Semua hadiah tidak boleh dipindahmilik, diserahkan, ditukar atau dituntut oleh pemenang dalam sebarang bentuk atau cara selain daripada yang ditetapkan oleh penganjur. 8.4 Terma dan Syarat ini telah disediakan dalam kedua-dua Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Malaysia akan diguna pakai untuk semua tujuan dan akan mengatasi segala ketidakselarasan dalam bahasa.
--	--